

*Artikel*

**Analisis Nilai-Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi**  
(*Analysis of Cultural Values in The Story of Surah Al-Kahfi*)

Wan Basyirah Abdul Majid\*, Muhamad Zaidi Zakaria & Muhammad Irfan Mhd Rusdi

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450. Shah Alam, Selangor

\*Pengarang Koresponden: [2020806982@student.uitm.edu.my](mailto:2020806982@student.uitm.edu.my)

**Abstrak:** Nilai budaya merupakan corak kehidupan manusia yang merangkumi aspek dalaman dan luaran yang terdiri daripada tingkah laku, pegangan agama, adat, pakaian dan sebagainya serta berkembang mengikut peredaran zaman dan kemajuan teknologi moden. Sehingga kini, nilai budaya masih belum difahami dengan jelas kerana perbezaan nilai budaya bagi setiap masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kadang kala berlaku persamaan dan pertembungan budaya. Pemahaman yang baik terhadap sistem nilai budaya dan orientasi nilai budaya akan menjadi panduan kepada manusia dalam menjalani kehidupan sehari-hari seterusnya menyumbang kepada ketamadunan masyarakat. Maka, objektif utama kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai budaya daripada empat kisah dalam surah al-Kahfi. Metodologi penyelidikan yang digunakan adalah analisis deskriptif melalui kaedah analisis kandungan. Data yang dikenal pasti, dikumpul dan dianalisis daripada kisah Ashabul Kahfi, kisah Pemilik Dua Kebun, Kisah Musa Bersama Khidir AS dan kisah Zulkarnain berlandaskan Teori Orientasi Nilai Budaya (C. Kluckhohn, 1951). Dapatkan analisis menemukan 6 kutipan nilai budaya yang berkait permasalahan utama dalam kehidupan iaitu yang pertama, hakikat kehidupan manusia yang mempunyai 4 nilai budaya; A) Nilai keimanan kepada Tuhan, B) Nilai ket-aquaan, C) Nilai Keteguhan dan D) Nilai kesabaran. Manakala kedua, hakikat hubungan manusia sesamanya yang terdapat 2 nilai budaya; A) Nilai Kepimpinan dan B) Nilai Kerjasama. Secara keseluruhannya, kisah yang dikaji memaparkan nilai budaya yang dapat dijadikan panduan dan pedoman dalam menjalani kehidupan.

**Kata kunci:** Nilai Budaya; Kisah Al-Quran; Surah Al-Kahfi; Orientasi Nilai Budaya; Analisis Deskriptif.

**Abstract:** Cultural values are human life patterns that comprise characteristics of inner and outward life such as behaviour, beliefs, habits, attire, and so on. Then it developed with the flow of time and the advent of contemporary technologies. To date, cultural values are yet to be understood clearly as there are differences in cultural values for each society which consists of various races and sometimes have similarities and cultural clashes. These values have their own conceptualization and categorization, and a thorough knowledge of them may educate individuals in their daily lives, contributing to the urbanisation of civilizations. Therefore, the main objective of this study is to identify and analyze the cultural values found from the four stories in surah al-Kahfi. The research methodology used is descriptive analysis through content analysis method. Data were identified, collected and analyzed from four stories which is the story of Ashabul Kahfi, the story of the Owner

of Two Gardens, the story of Musa Bersama Khidir AS and the story of Zulkarnain based on Cultural Value Orientation Theory (C. Kluckhohn, 1951). The findings of the analysis found 6 collections of cultural values that are related to the main problems in life, from the first category, the nature of human life that has 4 cultural values; A) The value of faith in God, B) The value of piety, C) The value of perseverance and D) The value of patience. While the second category, the nature of human relations with each other which consist 2 cultural values; A) Leadership Values and B) Cooperation Values. Overall, the stories studied display cultural values that can be used as a guidance and enlighten readers on how to adopt cultural values that could also lead them in daily life.

**Keywords:** Cultural Values; Quranic Stories; Surah Al-Kahfi; Cultural Value Orientation; Analysis Descriptive.

## Pengenalan

Al-Quran mengandungi kisah penceritaan dengan cara tersendiri iaitu gaya bentuk yang menarik dan susunan yang unik, berbeza dengan cerita-cerita biasa. Dua ciri utama yang menjadikan kisah-kisah dalam al-Quran sangat istimewa kerana ia menitikberatkan aspek kebenaran dan fakta serta mementingkan tujuan dan sasaran daripada pemaparan kisah tersebut (Lutfil Chakim, 2018). Hal ini menunjukkan kajian analisis berkait kisah dalam al-Quran mampu menyampaikan makna ayat al-Quran yang mengandungi segala nilai, dasar dan prinsip serta menjadi panduan kepada manusia untuk menjalani kehidupan sehari-hari (Siti Nur Aisyah Mohd Azemi & Sarinah Yahya, 2019).

Dalam perkembangan semasa kajian ilmu antropologi, nilai budaya menjadi salah satu tema penting yang merangkumi aspek pencerminan sistem kepercayaan, tradisi kehidupan manusia, organisasi masyarakat dan lain-lain lagi (Asmah Haji Omar, 2020). Menurut (C. Kluckhohn, 1962), nilai budaya adalah satu konsep tersusun yang mempengaruhi tingkah laku manusia dalam kehidupan dan mempunyai hubungan yang kuat antara manusia dan alam. Penumpuan terhadap makna perkataan melalui bahasa yang diguna pakai dalam peristiwa-peristiwa budaya komuniti khususnya dalam kisah penceritaan manusia banyak dilakukan dalam kajian terdahulu. Hal ini demikian kerana tingkah laku manusia menjadi latar budaya yang membentuk kebudayaan suatu bangsa sekaligus menentukan arah sebuah negara yang mengamalkan nilai budaya yang betul dan baik.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang masih belum memahami nilai-nilai budaya dengan jelas seperti nilai keimanan, nilai tanggungjawab, nilai kesopanan dan nilai-nilai lain (Nurul Hafidah et al., 2017). Kesannya, nilai budaya sebagai elemen utama kesejahteraan dalam kehidupan akan semakin menghilang dan masyarakat mudah terpengaruh dengan nilai budaya asing yang tidak baik. Unsur agama yang berkait rapat dengan budaya (Jaco, 2017) perlu dijadikan landasan dalam memahami pemilihan nilai budaya yang positif untuk diaplikasi dalam kehidupan sehari-hari serta memperbaiki nilai-nilai negatif yang terdapat dalam diri mereka.

Selain itu, dalam arus globalisasi yang semakin pesat, nilai budaya berperanan sebagai salah satu pembentuk kebudayaan, sahsiah dan akhlak bagi masyarakat muslim. Namun demikian, wujudnya penolakan terhadap nilai budaya ini yang dianggap tidak mengikut perkembangan semasa dan tidak relevan dengan konteks masyarakat yang membangun (Norazlina Haji Mohd. Kiram et al., 2017). Hal ini terzahir daripada kelakuan manusia yang semakin bebas dalam pegangan agamanya dan tidak mengamalkan nilai-nilai budaya Islam.

Kesannya, banyak perlakuan negatif yang berlaku seperti budaya songsang, memperlekehkan orang lain sehingga berlaku pergaduhan, kes pencurian dan pembunuhan dan lain-lain lagi. Implementasi nilai budaya asing juga dilihat lebih mendominasi manusia berpunca daripada kemasukan teknologi baharu (Saidatul Nor-nis Hj. Mahali, 2021).

Di samping itu, nilai budaya yang mengalami persamaan dan pertembungan budaya mempunyai identifikasi dan penjelasan yang pelbagai mengikut jenis karya seperti kajian nilai budaya dalam filem (رشیدة) (2020), عبیر ابراهیم عبد الحمید ابراهیم & نجلاء ابراهیم زید هلال (pertunjukan fesyen, 2020), novel (Nurul Hafidah et al., 2017), puisi (Yeni Maulina, 2017) dan cerita rakyat (Mohd Fahmi Ismail, 2016). Setiap nilai budaya yang dikaji menggunakan pendekatan yang berbeza mengikut jenis karya masing-masing. Maka konsep nilai budaya yang luas dan meliputi pelbagai aspek ini perlu dikhurasukan (Benson et al., 2020) lebih-lebih lagi nilai dalam kisah yang terkandung dalam al-Quran.

Kesimpulannya, kajian ini perlu bagi mengatasi ketidakupayaan manusia memahami ayat al-Quran serta mengelakkan pengaruh budaya asing dan kekeliruan dalam mengaplikasi nilai budaya dalam kehidupan. Nilai-nilai budaya ini akan dikaji untuk mengetahui apakah bentuk nilai budaya yang ada dalam kisah surah al-Kahfi berlandaskan orientasi nilai budaya dan mengetengahkan pandangan-pandangan ahli tafsir yang muktabar dalam kitab tafsir bagi menyampaikan makna ayat al-Quran yang terkait dengan nilai tersebut. Kajian ini diharap dapat membantu pembaca dalam memahami pemaparan nilai budaya serta memperkaya kajian intelektual dan khazanah ilmu Islam. Berdasarkan penjelasan di atas, maka objektif kajian telah dikhurasukan seperti berikut:

- Mengenal pasti nilai-nilai budaya yang terdapat dalam kisah surah Al-Kahfi.
- Menganalisis nilai-nilai budaya yang terdapat dalam kisah surah Al-Kahfi berdasarkan orientasi nilai budaya.

## Tinjauan Literatur

### 1. Nilai Budaya

Nilai budaya adalah satu konsep yang sering berlebar dalam pemikiran masyarakat berkisar hal-hal yang harus dianggap bernilai dalam kehidupan sehingga dibentuk menjadi suatu sistem yang menjadi pedoman dalam menentukan arah kehidupan (Zona Amalia, 2021). Kajian terhadap nilai ini juga merangkumi pelbagai sistem dan struktur seperti sistem normatif, kognitif, struktur intrinsik dan ekstrinsik termasuklah teori terdahulu yang berkaitan dengan budaya yang dihasilkan oleh masyarakat.

Kajian berkaitan nilai budaya dalam penulisan karya sastera banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. (Norazlina Haji Mohd. Kiram et al., 2017) telah melakukan kajian bertajuk "*Nilai Budaya dalam Novel Penulis ASEAN*". Kajian ini membincangkan nilai budaya daripada tiga novel terpilih oleh penulis ASEAN iaitu novel *Laskar Pelangi*-2007 (Indonesia), *Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau Di Rembau*-2015 (Singapura), dan *Sarjana Bangsa*-2015 (Malaysia) berdasarkan kerangka kebudayaan Anwar Din (2008). Kerangka tersebut menggariskan enam aspek kebudayaan antaranya etos, norma, kepercayaan, pandangan, symbol dan hasil. Daripada penelitian tersebut, masih terdapat jurang kajian yang masih boleh dikaji dengan melihat kepada budaya daripada timur tengah dan pemfokusan nilai budaya yang tertumpu kepada beberapa aspek daripada kerangka teori yang dipilih sahaja.

Seterusnya, kajian (Pipik Asteka et al., 2019) turut membincangkan tentang nilai budaya namun terkhusus kepada unsur nilai-nilai budaya dalam *Antologi Cerpen Indonesia-Malaysia*. Maka nilai-nilai budaya lebih tertumpu kepada budaya negara Indonesia dan Malaysia. Struktur karya tersebut terdiri atas unsur

intrinsik yang meliputi tema, tokoh, alur, latar, gaya bahasa dan unsur ekstrinsik pula berkait biografi pengarang karya secara umum. Adapun kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji akan melihat elemen nilai budaya dalam menyelesaikan permasalahan utama yang berlaku dalam kehidupan manusia. Begitu juga perbezaan dalam dapatan nilai budaya difokuskan kepada aspek dalam lingkungan sistem agama, sistem ekonomi, sistem teknologi, dan bahasa.

Selain itu, (Armet et al., 2021) melalui kajiannya, "*Perspektif Nilai Budaya dalam Cerpen Banun Karya Damhuri Muhammad*" bertujuan untuk mengetahui perspektif nilai budaya dalam cerpen tersebut berdasarkan teori C. Kluckhohn. Teori tersebut juga menjadi fokus dalam kajian yang dijalankan pengkaji, namun perbezaannya adalah pengkaji ingin melihat kepada budaya Arab. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat tiga perspektif nilai budaya dalam cerpen tersebut iaitu hakikat hidup, persepsi manusia tentang waktu dan hakikat hubungan manusia dengan alam sekitar. Berdasarkan penelitian tersebut, jurang kajian masih boleh dipenuhi dengan melihat perspektif nilai budaya terhadap hakikat penciptaan manusia dan hubungan manusia sesama kelompoknya serta melihat kepada bahan kajian yang berkisar kepada budaya lain.

### **Metodologi kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan teks dan kepustakaan untuk menganalisis data daripada kisah dalam surah al-Kahfi iaitu kisah Ashabul Kahfi pada ayat 9-26, kisah pemilik dua kebun pada ayat 32-46, kisah nabi Musa bersama Khidir AS pada ayat 60-82 dan kisah Zulkarnain pada ayat 83-98. Menurut (Fuad Mohamed Berawi, 2017), bahawa hasil penyelidikan kualitatif tidak memerlukan sokongan maklumat berbentuk data-data berstatistik dan ianya dipersembahkan dalam bentuk laporan penceritaan atau andaian sahaja.

Justeru dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data akan dilakukan melalui pengumpulan data tekstual untuk mendapatkan maklumat dan informasi daripada dua jenis sumber iaitu sumber primer berupa ayat-ayat al-Quran dan sumber sekunder seperti buku, tesis, jurnal, artikel, laporan dan kitab-kitab tafsir muktabar. Setelah proses pengumpulan data berlaku, penyelidikan akan dilaksanakan dengan menggunakan analisis deskriptif untuk mengenalpasti dan menganalisis data-data yang telah dikumpulkan berkait dua orientasi nilai budaya iaitu nilai budaya dalam aspek hakikat kehidupan manusia dan hubungan manusia dengan kelompoknya. Bagi memudahkan pengkaji mempersembahkan data yang diperoleh, data-data tersebut akan direkodkan dan disusun menggunakan aplikasi ATLAS.ti.


### **Hasil Kajian Dan Perbincangan**

Setelah meneliti 4 kisah dalam surah al-Kahfi berdasarkan kitab tafsir kontemporari dan turathi seperti tafsir Tahrir wa Tanwir (1984), (ابن عاشور، 1999)، وَهَبَةُ الزَّحِيلِيٍّ، tafsir Munir (2016)، kajian mendapati sebanyak 6 kutipan nilai budaya dengan 12 ayat al-Quran yang berkait permasalahan utama dalam kehidupan iaitu yang pertama, hakikat kehidupan manusia yang mempunyai 4 nilai budaya; keimanan kepada Tuhan, ketaqwaan, keteguhan dan kesabaran. Manakala kedua, hakikat hubungan manusia sesamanya yang terdapat 2 nilai budaya; kepimpinan dan kerjasama. Petikan (quotation) ayat surah al-Kahfi yang dinyatakan dalam analisis ini merupakan petikan yang telah dikodkan dan kemudiannya dijana menerusi perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti.

## 1. Nilai Budaya Dalam Aspek Hakikat Kehidupan Manusia

Analisis menunjukkan terdapat sub-komponen nilai budaya di bawah aspek hakikat kehidupan manusia. Aspek ini merujuk kepada kehidupan manusia yang dilihat sebagai satu anugerah yang dikurniakan Allah dan perlu dimanfaatkan sebaik mungkin. Menurut kerangka (F. Kluckhohn & Strodtbeck, 1961), terdapat tiga bentuk orientasi dalam konteks ini iaitu budaya yang melihat kehidupan manusia sebagai satu fenomena yang menakutkan dan menyediakan lalu perlu dielakkan dengan pelbagai cara. Seterusnya, budaya yang melihat kehidupan adalah sesuatu yang baik, maka kehidupan tersebut diharungi dengan sebaiknya dan disyukuri. Terakhir, budaya yang menganggap kehidupan adalah suatu yang tidak baik, walaubagaimanapun manusia mesti berusaha memenuhi keperluan hidup sehingga mencapai satu tahap kepuasan. Sub-komponen yang terdiri daripada 4 dapatan nilai budaya seperti dalam gambar rajah 1 berikut.

**Rajah 1- Hakikat Kehidupan Manusia**



### *Nilai keimanan kepada tuhan*

Dari segi bahasa, perkataan (إيمان) adalah Masdar daripada kata kerja (آمن) yang bermaksud percaya atau membenarkan. Manakala daripada sudut istilah pula ialah keyakinan kepada Tuhan sebagai pencipta dan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Menurut Imam al-Ghazali, iman adalah pengakuan dengan lisan, membenarkan dengan hati, dan mengamalkan dengan rukun (anggota). Dalam Islam, rukun Iman yang pertama adalah beriman kepada Allah SWT. Rukun ini juga menjadi syarat wajib bagi seseorang itu bergelar Muslim. Malahan prinsip ini menjadi tonggak asas dan kayu ukur dalam pembinaan jati diri masyarakat dan menjadikan setiap ajaran agama Islam sebagai panduan dan cara menjalani kehidupan. Apabila seseorang itu menyandarkan keyakinannya kepada Tuhan, maka seluruh kehidupannya diabdikan kepada-Nya. Bagi seorang Muslim, melalui keyakinan kepada Tuhan akan menimbulkan sifat-sifat mahmudah lain yang mampu membentuk jati diri seorang muslim.

Nilai keimanan kepada Tuhan yang dikemukakan oleh pengkaji mengandungi data ayat al-Quran yang paling banyak kerana nilai ini berkait kepercayaan dan pegangan individu dalam merungkai permasalahan kehidupan manusia dan menjadi landasan kepada perbincangan seterusnya dalam analisis ini. Nilai ini dapat dilihat melalui perkataan atau frasa penting dalam data (1) yang dikemukakan seperti berikut :

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1	Keimanan	"إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ"	(Ingatkanlah peristiwa) ketika sekumpulan orang-orang muda pergi ke gua	10

Frasa di atas menunjukkan nilai keimanan kepada Tuhan. Tatkala pemuda Kahfi melarikan diri kerana menyedari kehidupan yang ditawarkan raja adalah tidak benar, mereka meminta rahmat dan petunjuk daripada Allah SWT "رَبَّنَا آتَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيْئَةً لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشِيدًا" yang bermaksud "Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisiMu, dan berilah kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami". Dengan kata lain, mereka berusaha untuk hidup dalam keimanan mengikut petunjuk yang lurus.

Bagi membantu dalam penentuan nilai keimanan terhadap ayat tersebut, kajian ini mengemukakan pandangan menurut (صلاح عبد الفتاح الخالدي, 2015) bahawa kisah pemuda Kahfi menjadi teladan bagi orang mukmin dalam menguatkan keimanan mereka dengan memohon perlindungan kepada Allah dalam setiap perkara serta meminta pertolongan berupa petunjuk dan hidayah dalam perkara kehidupan. Perkataan atau frasa penting dalam data (2) dikemukakan seperti berikut :

Data	Nilai Budaya	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
2	Keimanan	"وَإِذْ اعْتَزَرْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُلُونَ إِلَّا اللَّهُ"	Dan oleh kerana kamu telah mengasingkan diri daripada mereka dan dari apa yang mereka sembah selain dari Allah,	16

Berdasarkan frasa tersebut, setelah mereka betul-betul menetapkan pendirian bahawa mereka tidak mampu untuk melawan raja yang kafir dan pengikutnya, mereka tekad untuk berpisah dari kelompok tersebut dan mengasingkan diri.

Penentuan nilai keimanan bagi ayat tersebut pula melalui pandangan ( وهبة الزحيلي, 2016) dalam kitabnya yang menafsirkan bahawa tingkah laku pemuda Kahfi mengasingkan diri daripada kaum itu membawa erti kepada dua perkara. Pertama, pengasingan diri secara *madiyah* yang memisahkan diri (jasmani), ruang dan waktu. Kedua, pengasingan diri secara *maknawi* berupa sikap penolakan terhadap pemikiran dan pegangan yang menyembah selain kepada Allah SWT. Kedua-dua perkara ini secara keseluruhannya memberi gambaran keengganan yang kuat oleh pemuda Kahfi setelah diperintah oleh raja zalim untuk menyembah berhala. Maka ditegaskan bahawa nilai keimanan yang ada dalam diri mereka, mendorong tindakan untuk melarikan diri dan berlindung di sebuah gua. Perkataan atau frasa penting dalam data (3) dikemukakan seperti berikut :

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
3	Keimanan	"أَكَفَرْتُ بِاللَّهِي خَلَقَ"	"Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah?"	37 & 38

"وَلَا إِشْرُكَ بِرَبِّي أَحَدٌ"

"dan aku tidak sekutukan sesuatu  
pun dengan Tuhanmu."

Seterusnya, frasa di atas terdapat dalam kisah pemilik dua kebun. Ia merupakan dialog antara pemuda miskin dengan sahabatnya yang kaya. Pemuda miskin itu menunjukkan pendirian dan pegangan hidup yang bergantung kepada Allah SWT. Walaupun tidak diberi nikmat dan kurniaan hasil kebun seperti kawannya, namun ia tidak menggoyahkan keimanannya. Malah hubungannya dengan sang Pencipta semakin kuat dan utuh. Dalam masa yang sama, pemuda itu turut menasihati dan mengajak sahabatnya supaya bersyukur akan nikmat yang dianugerahkan oleh Allah, namun disebabkan kesombongan sahabatnya kepada Allah SWT, pemuda tersebut mengecamnya melalui ayat "أَكَفَرَتْ بِاللَّهِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ".

Pengkaji menegaskan nilai keimanan yang terdapat pada frasa ini kerana menurut (ابن كثير, 1999), frasa tersebut menunjukkan penolakan pemuda miskin terhadap kawannya yang kufur nikmat sekaligus sebagai pengagungan kepada Allah SWT. Begitu juga dapat difahami bahawa beliau menolak kenikmatan dunia fana demi menjaga keimanan dan keyakinannya. Oleh itu jelaslah nilai keimanan dalam diri terzahir dengan mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan Allah baik berupa harta benda, kebun, hasil kebun, sungai, dan lain-lain. Perkataan atau frasa penting dalam data (4) dikemukakan seperti berikut :

Data	Kod	Per-kataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
4	Keimanan	"ثُمَّ يُرَدُّ إِلَيَّ رَبِّهِ..."	"kemudian ia akan dikembalikan kepada Tuhanya"	87

Ayat tersebut terkandung dalam kisah Zulkarnain. Ia menunjukkan prinsip seorang pemerintah ketika bermuamalah dengan kaumnya. Beliau adalah seorang yang berlaku adil kerana setiap hukuman yang dijalankan akan dilakukan pemeriksaan terlebih dahulu.

Nilai keimanan daripada frasa tersebut menunjukkan respon Zulkarnain setelah Allah SWT memberikan pilihan kepada beliau untuk menjatuhkan hukuman sekaligus membuktikan keimanannya. Hal ini kerana beliau percaya di samping setiap hukuman yang dilakukannya, terdapat pembalasan Allah yang lebih setimpal di akhirat kelak dalam ayat "ثُمَّ يُرَدُّ إِلَيَّ رَبِّهِ". Walaupun mempunyai kedudukan dan kekuasaan atas muka bumi, beliau juga tidak sompong dan tetap dengan keimanannya kepada Allah serta menjalankan hukuman sesuai dengan keredhaan Allah.

#### Nilai ketaqwaan

Taqwa dari sudut bahasa adalah kata nama daripada perkataan (*ittaqa*) yang bermaksud perasaan takut kepada Allah. Daripada sudut istilah, taqwa adalah benar-benar tunduk kepada perintah Allah dan mentaati-Nya dalam segala perkara yang diperintahkan dan meninggalkan larangan-Nya. Saidina Ali RA mengatakan bahawa taqwa ialah takut kepada Allah yang Maha mulia, beramal dengan kitab yang diturunkan, reda dengan yang sedikit dan bersedia menghadapi hari kesudahan. Taqwa membezakan tingkatan keimanan seseorang. Menurut (Achmad Fatony, 2019), keimanan seseorang kepada Allah SWT terzahir melalui ketaqwaan yang

diterjemahkan melalui amal perbuatan jasmaniah. Berikut merupakan perkataan atau frasa penting dalam data (1) yang diperolehi dalam surah Al-kahfi yang mengandungi nilai ketaqwaan.

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1	Keta-qwaan	"هُؤلَاءِ قَوْمٌ مَا اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ آثَمٌ"	"(Mereka berkata pula sesama sendiri): "Kaum kita itu, menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah;"	15

Frasa tersebut menceritakan keadaan ketika pemuda al-Kahfi ditanya bagaimana pandangan mereka terhadap kaum yang menyembah berhala. Maka mereka menyatakan pendirian mereka yang berbeza walaupun mereka sebahagian daripada kaum tersebut. Mereka mengetahui bahawa kaum itu mengambil jalan yang salah kerana telah menyembah selain daripada Allah SWT.

Berdasarkan penjelasan dalam frasa ini, jelaslah nilai ketaqwaan yang terzahir dalam diri pemuda al-Kahfi sehingga mendorong mereka untuk menyatakan pendirian sedemikian. Dalam tafsir (وهبة الزحيلي, 2016), beliau menafsirkan "هُؤلَاءِ قَوْمٌ مَا اتَّخَذُوا" bermaksud satu pemberitahuan dengan makna tersirat pengingkaran. Pemuda

Kahfi juga meminta untuk didatangkan bukti jika Tuhan yang disembah oleh kaum itu benar, "لَوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِمْ بِسُلْطَانٍ بَيْنَ" kerana agama yang tiada fakta dan bukti yang jelas adalah tertolak serta *taqlid* di dalam agama tidak dibolehkan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa nilai ketaqwaan menyebabkan mereka menolak raja dan kaum yang menyembah selain Allah lalu mengambil tindakan untuk mengasingkan diri daripada mereka.

### Nilai keteguhan

Dari sudut bahasa, teguh dalam perkataan bahasa arab adalah (استقامة) dalam bentuk masdar yang diambil dari kata kerja (استقام-يستقيم) yang bermaksud teguh, taat dan tetap. Dari sudut istilah, teguh bermaksud tetap pendirian dan tidak berubah hati, iman, kesetiaan dan pendapat kerana mempunyai keazaman dan kesanggupan yang tinggi terhadap suatu perkara walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan, risiko dan pelbagai peristiwa hidup. Diriwayatkan oleh Sufyan bin Abdillah Ath-Thaqafi RA, dia berkata: aku pernah bertanya kepada Rasulullah SAW; "Wahai Rasulullah, nasihatilah aku tentang Islam yang tidak akan kutanyakan lagi kepada orang sesduah engkau." Maka baginda menjawab; "Katakanlah! Aku beriman kepada Allah SWT kemudian beristiqomahlah." (HR Muslim). Hal ini menunjukkan bahawa nilai keteguhan adalah penting dalam menjaga keimanan kepada Allah sehingga akhir hayat. Nilai keteguhan ini terdapat pada perkataan atau frasa penting dalam data (1) seperti berikut.

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1	Keteguhan	"وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ"	"Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian)"	14

Frasa tersebut menunjukkan permulaan penceritaan kisah pemuda al-Kahfi yang lebih terperinci. Ketika mereka berhadapan dengan pemerintah yang zalim serta ancamannya, Allah SWT telah mengilhamkan tekad yang tinggi untuk meneguhkan cahaya keimanan dan menolak kehidupan mewah dan penyelewengan yang ditawarkan oleh raja itu.

Pengkaji menetapkan nilai keteguhan dalam frasa ini kerana terdapat penjelasan dalam tafsir At-Tahrir wa At-Tanwir (1984), (ابن عاشور, 1984), yang menyatakan keteguhan hati pemuda al-Kahfi bermaksud Allah menetapkan keimanan dan tiada keraguan padanya. Hal ini menyebabkan mereka bersepakat dan sebulat hati untuk mengasingkan diri ke sebuah gua. Begitu juga menurut (ابن كثير, 1999), ayat ini ditafsirkan bahawa Allah meneguhkan hati mereka dalam satu pendirian yang berbeza dengan pendirian kaum yang ada pada masa itu. Mereka tekad untuk meninggalkan kehidupan yang penuh kelalaian dan kemewahan, dan mengatakan keteguhan dengan keimanan kepada Allah melalui tindakan mereka. Perkataan atau frasa penting dalam data (2) dikemukakan seperti berikut :

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
2	Keteguhan	"فَعَسَىٰ رَبِّي أَنْ يُؤْتِنِنِ حَيْرًا مِّنْ جِئْنِكَ"	"Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengur- niakan daku lebih baik da- ripada kebunmu,"	40

Data 2 di atas pula menunjukkan nilai keteguhan yang terdapat dalam kisah pemilik dua kebun. Sifat kesyukuran yang dizahirkan pemuda miskin menandakan bahawa Allah meneguhkan hati pemuda tersebut tatkala kawannya dilimpahi kekayaan dan dianugerahkan kebun yang subur dengan hasil yang banyak.

Nilai ini ketengahkan oleh pengkaji, hasil daripada penelitian dalam kitab tafsir munir ( وهبة الزحلي, 2016), yang menafsirkan ayat "فَعَسَىٰ رَبِّي" yang bermaksud "semoga Tuhanku", menunjukkan beliau tidak berputus harapan terhadap Allah SWT. Malah pemuda miskin itu percaya bahawa Allah akan melimpahkan beliau kurniaan yang lebih baik sebagaimana dalam sambungan ayat yang seterusnya, Allah SWT berfirman "أَنْ يُؤْتِنِنِ حَيْرًا مِّنْ جِئْنِكَ".

Justeru jelaslah terdapat nilai keteguhan dalam frasa tersebut melalui gambaran pemuda miskin yang tidak terpedaya dengan kekayaan dan nikmat yang diperoleh kawannya, bahkan mengajak kawannya untuk sama-sama tetap teguh dengan keimanan kepada Allah SWT.

### Nilai kesabaran

Menurut kamus maani, sabar secara estimologi berasal daripada perkataan bahasa arab (صبر-يصر-صابر). Dari sudut terminologi, sabar bermaksud menahan diri atau melarang daripada melakukan sesuatu perkara. Sabar juga adalah sifat tidak terburu-buru dan tenang dalam menghadapi pelbagai situasi (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Memiliki nilai kesabaran adalah kunci kehidupan kerana manusia tidak lari daripada ujian kehidupan dan sering berhadapan dengan masalah. 'Abdullah bin Mas'ud RA mengatakan bahawa sabar itu separuh daripada iman. Maka dapat disimpulkan bahawa sabar adalah satu keredhaan, ketabahan, ketahanan, keyakinan tanpa mengeluh dan tidak tergesa-gesa begitu juga ia sangat penting dan dituntut dalam Islam dalam pelbagai situasi seperti bersabar dalam ujian, bersabar dalam nikmat, bersabar menghadapi maksiat dan pelbagai peristiwa kehidupan. Nilai kesabaran terdapat pada perkataan atau frasa penting dalam data (1) seperti berikut.

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1	Kesabaran	"وَكَيْفَ تَصْبِرُ" "قَالَ سَجَدْنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا"	"Dan bagaimana engkau akan sabar" "Nabi Musa berkata: "Engkau akan dapti aku, Insyaa Allah: orang yang sabar;".	68 & 69

Frasa di atas mengandungi nilai kesabaran yang digambarkan dalam kisah nabi Musa bersama Khidir AS. Dalam pengembaraan nabi Musa untuk menuntut ilmu, baginda diperingatkan oleh Khidir bahawa baginda tidak berupaya untuk bersabar sekalipun baginda berazam untuk menahan kesabarannya.

Penentuan nilai kesabaran ini diketengahkan hasil daripada penelitian menurut tafsir munir و هبة (الزحيلي, 2016) bahawa nabi Musa tidak mungkin dapat bersabar "وَكَيْفَ تَصْبِرُ" dengan perbuatan Khidir kerana tidak mengetahui hakikat yang sebenar sebagaimana Allah SWT berfirman; "خَرِبْ" yang bermaksud pengetahuan nabi tidak mencakupi hikmh dan menguasainya dengan cara yang benar. Walaubagaimanapun, nabi berjanji untuk tidak ingkar dan mempersoalkan tentang perlakuan khidir. Janji yang beliau ucapkan dalam ayat ini didasari dengan perkataan "Insya-Allah" (قَالَ سَجَدْنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا) kerana baginda sedar bahawa sabar untuk tidak mempersoalkan apa-apa dan menerima bimbingan daripada sang guru adalah satu perkara yang berat dan besar. Daripada penjelasan tersebut, dapat disimpulkan bahawa dalam mengharungi kehidupan, lazimnya seseorang itu akan menghadapi pelbagai masalah. Maka cara untuk mengatasinya adalah dengan bersabar dan cuba mencari jalan penyelesaiannya. Perkataan atau frasa penting dalam data (2) dikemukakan seperti berikut :

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
2	Kesabaran	"...قَالَ لَوْ شِئْتُ لَا تَحْذَنْتَ عَلَيْهِ أَجْرًا"	"Jika engkau mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya!"	77

Data ini menunjukkan nilai kesabaran dalam peristiwa terakhir sepanjang perjalanan nabi Musa bersama Khidir AS. Setelah dua kali perjalanan sebelumnya, pada peristiwa ke-3 nabi lupa akan janjinya untuk bersabar dengan perlakuan khidir. Baginda mencadangkan kepada khidir untuk mengambil upah daripada perbuatannya mendirikan kembali dinding rumah yang telah runtuhan.

Pengkaji mengetengahkan nilai kesabaran menurut penjelasan dalam tafsir (ابن كثير, 1999) yang menafsirkan daripada ayat "لَوْ شِئْتُ لَا تَحْذَنْتَ عَلَيْهِ أَجْرًا" bermaksud nabi Musa menyatakan Khidir berhak mendapat upah kerana penduduk tidak menjamu apa-apa kepada mereka. Berdasarkan pernyataan tersebut, menunjukkan perlakuan baginda tidak sabar dengan tindakan yang dilakukan Khidir walaupun telah diperingatkan untuk tidak menyoalkan perkara yang tidak diketahui baginda. Justeru, jelaslah nilai kesabaran dalam frasa terzahir melalui tindakan dan perbuatan bukan semata-mata dengan perkataan.

## 2. Nilai Budaya Dalam Aspek Hubungan Manusia Dengan Kelompoknya

Aspek hubungan manusia dengan kelompoknya atau dengan manusia adalah satu kepercayaan tentang struktur sosial dalam suatu masyarakat yang berbeza-beza. Terdapat kebudayaan yang mementingkan hubungan vertikal iaitu hubungan manusia yang bergantung dengan orang yang lebih berkedudukan tinggi daripadanya iaitu hubungan hierarki yang jelas dan kukuh. Seterusnya budaya lain ada yang mementingkan hubungan horizontal atau hubungan kolateral yang bermaksud struktur sosial harus berdasarkan kumpulan individu yang mempunyai status yang sama supaya mereka mempunyai perasaan untuk saling menyokong antara satu sama lain. Begitu juga terdapat budaya yang menekankan sifat ananiyah atau individualistik di mana struktur sosial harus disusun berdasarkan individu yang tidak lagi bergantung dengan orang lain untuk mencapai tujuan hidupnya. Pengkaji mendapati sebanyak dua dapatan nilai budaya bawah aspek hubungan ini seperti dalam gambar rajah 2 berikut.

**Rajah 2- Hakikat Hubungan Manusia Dengan Kelompoknya**



### Nilai kepimpinan

Dalam bahasa Arab, kalimah (قيادة) adalah masdar daripada kata kerja (قاد - يقود). Dari sudut istilah pula kepimpinan bermaksud keupayaan seseorang untuk memimpin individu atau kelompok lain melalui teladan yang ditunjukkan. Seorang pemimpin dalam kalangan masyarakat perlulah bersifat matang dan berdisiplin di samping

berupaya untuk memimpin dengan kreatif dan optimis. Hakikatnya kepimpinan ini adalah hubungan sosial yang memerlukan interaksi dan komunikasi. Nilai ini perlu diterapkan dengan memimpin dari sekecil-kecil perkara dan dikembangkan dari masa ke masa sehingga terzahir nilai kepimpinan dalam diri individu. Terdapat dua data kajian yang menunjukkan nilai kepimpinan dalam surah al-Kahfi yang boleh dicontohi. Perkataan atau frasa penting dalam data (1) dikemukakan seperti berikut:

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1	Kepimpinan	"إِنَّ مَكْرُهًا لَهُ فِي الْأَرْضِ"	"Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan merintah di bumi"	84

Dalam frasa ini menceritakan awal permulaan kisah kepimpinan Zulkarnain. Allah SWT telah memberikan kedudukan dan kekuasaan kepada Zulkarnain "إِنَّ مَكْرُهًا لَهُ فِي الْأَرْضِ" untuk memerintah sebuah kerajaan yang besar dengan sokongan tentera yang kuat, ditambah alat-alat perang serta ilmu yang luas.

Nilai kepimpinan juga digambarkan dalam sambungan frasa "وَآتَيْنَاهُ مِن كُلِّ شَيْءٍ وَسَبَبَاهُ" iaitu sebab dan wasilah yang dikurniakan Allah SWT membolehkan Zulkarnain menguasai semua kawasan daripada Timur sehingga Barat serta menakluki setiap kerajaan samada bangsa Arab ataupun bukan Arab. Menurut (ابن كثير, 1999) dalam tafsirnya, Ibnu Abbas, Mujahid, Said bin Jubair dan lain-lain mengatakan; jalan "سباباه" itu adalah "ilmu pengetahuan". Adapun Qatadah mengatakan; "tempat tinggal di bumi" dan Abdurrahman bin Zaid mengatakan; "pengajaran bahasa-bahasa." Di samping itu, jelas bahawa kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada Zulkarnain dalam frasa ini berupa nilai kepimpinan yang baik yang mampu menjamin keamanan negara. Perkataan atau frasa penting dalam data (2) dikemukakan seperti berikut:

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
2	Kepimpinan	"فُلِنَا يَا ذَا الْقُرْبَىْنِ إِمَّا أَن تُعَذِّبَ وَإِمَّا... أَن تَشْجُدَ فِيهِمْ حُسْنَنَا"	"Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): "Wahai Zulkarnain! Pilihlah sama ada engkau hendak menyeksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka".	86

Frasa di atas merupakan penceritaan daripada perjalanan Zulkarnain di tempat perhentian sebelah Barat. Di situ beliau berjumpa sebuah penduduk yang tidak mengadakan perlawanan dan menguasai wilayah mereka. Setelah itu, Allah SWT memberikan Zulkarnain pertimbangan untuk menjalankan hukuman terhadap wilayah yang dikuasainya.

Pengkaji mengetengahkan nilai kepimpinan kerana frasa ini menunjukkan Allah memberi kekuasaan kepada Zulkarnain untuk menjadi penguasa atas setiap Kawasan yang dilaluinya. Segala hukum hakam dan

pertimbangan terletak pada diri Zulkarnain samada ingin menyiksa (membunuh) orang yang zalim yang kemudiannya akan dikembalikan kepada Allah dengan siksaan yang lebih dahsyat dalam ayat selepasnya "أَمَّا مَنْ ظَلَمَ فَسَوْفَ تُعَذَّبْ" ataupun bagi orang yang beriman, mereka mengikuti beramal dengan perbuatan soleh dan mendapat ganjaran yang terbaik di sisi Allah dalam ayat "وَأَمَّا مَنْ آمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ جَزَاءُ الْحُسْنَى". Walaupun mendapat kekuasaan seperti itu, Zulkarnain mengikut pertimbangan akal dan nilai kepimpinan yang ada dalam dirinya lalu menghasilkan refleksi tindakan yang sesuai dengan keadilan dan penjelasan yang Allah SWT sampaikan dalam kisah ini.

### *Nilai kerjasama*

Kerjasama ditarifkan sebagai kerja atau usaha bersama-sama dan saling membantu antara dua atau beberapa pihak. Nilai kerjasama menjadi tonggak kekuatan kepada satu kelompok, organisasi, masyarakat atau negara dalam menangani dan menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Nilai ini juga wujud dalam kalangan masyarakat dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan untuk mencapai tujuan tertentu. Setiap manusia tidak terlepas daripada berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain kerana mereka hidup dalam sebuah kelompok kehidupan. Maka nilai kerjasama yang tertanam dalam diri mestilah dipraktikkan dan dilaksanakan. Hal ini kebiasaannya dalam program berkumpulan yang melibatkan orang ramai seperti program rewang perayaan, gotong-royong, majlis perkahwinan dan sebagainya untuk memupuk masyarakat yang aman dan harmoni. Berikut merupakan data (1) berkaitan nilai kerjasama yang boleh diambil pengajaran.

Data	Kod	Per-kataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1	Kerjasama	"فَاعْيُنُونِي بِعُيُونِكُوكْ"	oleh itu bantulah daku dengan tenaga (kamu beramai-ramai)	95

Data menunjukkan daptan nilai kerjasama antara seorang pemimpin dan rakyatnya dalam kisah Zulkarnain. Dalam kisah ini, penduduk di sebuah negeri yang ditakluki Zulkarnain memohon pertolongan untuk membina benteng pertahanan dari serangan musuh dan dinyatakan kesediaan mereka untuk membayar upah. Pemimpin tersebut menerima tawaran penduduk, namun menolak lembut bahawa beliau tidak memerlukan upah kerana sudah mempunyai kekuasaan dan kebaikan yang lebih baik oleh Allah SWT dalam ayat sebelumnya "مَا مَكَّنَنِي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ" yang bermaksud "Dia menjawab: "(kekuasaan dan kekayaan) yang Tuhanku jadiikan aku menguasainya, lebih baik (dari bayaran kamu)".

Penentuan nilai kerjasama antara pemimpin dan rakyat terzahir melalui sambungan ayat seterusnya "فَاعْيُنُونِي بِعُيُونِكُوكْ". Walaupun Zulkarnain mampu untuk melakukan semua pekerjaan secara berseorangan, namun menurut (صلاح عبد الفتاح الخالدي, 2015) dalam kitabnya menafsirkan bahawa Zulkarnain ingin penduduk tersebut meninggalkan sifat lemah, malas dan tidak berusaha serta mengajar mereka untuk bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh dalam membina benteng pertahanan itu. Jelaslah di sini bahawa dalam satu usaha untuk mencapai sesuatu, kerjasama antara dua pihak adalah penting untuk mencapai hasil yang terbaik.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian berkaitan analisis nilai budaya adalah sangat penting sebagai panduan dan pengajaran kepada penyelidik, guru, pelajar dan masyarakat untuk mengembalikan tamadun bangsa yang terbilang melalui pengaplikasian dan pengamalan nilai budaya yang baik serta menjauhi perkara yang membawa kepada kemosyrikan dan kekufuran. Melalui pengaplikasian Teori Orientasi Nilai Budaya, didapatkan dua permasalahan utama dalam kisah yang dikenalpasti boleh diatasi dengan introspeksi nilai budaya yang ditemui. Hal ini kerana ia berfungsi sebagai penentu hala tuju dan orientasi kehidupan masyarakat.

Tambahan lagi, kajian ini memberi nilai tambah terhadap sistem pendidikan Islam kontemporari berkait pengamalan budaya islamik khususnya dalam menanamkan keimanan yang kuat kepada Allah, tata cara perlakuan yang baik dan benar, hubungan manusia dengan sekelilingnya serta pengawalan emosi bagi meningkatkan motivasi diri dan lain-lain lagi. Khususnya dalam kajian ini, nilai utama berkait pegangan agama individu iaitu nilai keimanan dilihat sebagai satu nilai asas yang mencorak pemikiran masyarakat sekaligus membentuk latar budaya masyarakat menjadi lebih bertamadun serta mampu menyelesaikan masalah kehidupan. Kesan daripada pengamalan nilai ini menyebabkan tindakan yang baik dalam melakukan suatu perkara. Justeru dalam konteks kisah dalam surah al-Kahfi bukan sahaja sekadar penceritaan kisah menarik, tetapi untuk menyuburkan nilai budaya positif dalam diri masyarakat.

**Penghargaan:** Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam dan pihak yang terlibat atas sokongan dan galakan terhadap penyelidikan ini.

**Persetujuan Termaklum:** Kajian telah mendapat persetujuan daripada semua individu yang terlibat dalam kajian.

**Konflik Kepentingan:** Penulis-penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara mana-mana pihak.

## Rujukan

- Achmad Fatony. (2019). *Konsep Taqwa perspektif Hamka dalam Tafsir Al-Azhar (Telaah penafsiran ayat Taqwa dalam beberapa surah al-Qur'an)*. Master's thesis. Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- Armet, Lidya Atsari, & Emil Septia. (2021). Perspektif nilai budaya dalam cerpen Banun karya Damhuri Muhammad. *Disastra: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 3(2), 174–183.
- Asmah Haji Omar. (2020). *Kajian Linguistik Dan Antropologi. In Wacana, Teks, Genre: Teori Dan Kaedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benson, G. S., McIntosh, C. K., Salatzar, M., & Vaziri, H. (2020). Cultural values and definitions of career success. *Human Resource Management Journal*, 30(3), 392–421. <https://doi.org/10.1111/1748-8583.12266>
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. UUM Press.
- Jaco, B. (2017). Religion and Culture: Revisiting a close relative. *HTS: Theological Studies*, 73(1), 1–9.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kluckhohn, C. (1951). *Values and value-orientations in the theory of action: An explanation in definition and classification*. MA: Harvard University Press.

- Kluckhohn, C. (1962). *Culture and Behavior*. Free Press of Glencoe.
- Kluckhohn, F., & Strodtbeck, F. (1961). *Variations in value orientations*. (R. Peterson, Ed.).
- Lutfil Chakim. (2018). *Kisah-kisah dalam al-Qur'an (Studi penafsiran Muhammad al-Ghazali terhadap QS. al-Kahfi dalam Nahwa Tafsir Maudu'i li Suwar al-Qur'an al-Karim)*. Master's thesis. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Mohd Fahmi Ismail. (2016). *Nilai budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia*. Master's thesis. Universiti Putra Malaysia.
- Norazlina Haji Mohd. Kiram, Kura, C. H., & Kamariah Kamarudin. (2017). Nilai budaya dalam Novel Penulis ASEAN. *Jurnal Bahasa, Budaya Dan Warisan Melayu*, 4(1), 1–16.
- Nurul Hafidhah, Wildan, & Sa'adiah. (2017). Analisis nilai budaya dalam Novel Lampuki karya Arafat Nur. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Jurusan PBSI*, 2(4), 393–399.
- Pipik Asteka, Yulia Ningsih, & Suryo Ediyono. (2019). Nilai-nilai budaya dalam antologi cerpen INDONESIA-MALAYSIA dan implementasinya sebagai bahan ajar apresiasi sastra di SMA. *Jurnal Pendidikan, Kebahasaan, Dan Kesusasteraan Indonesia*, 3(1), 11–23.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2021). *Pelestarian nilai budaya beracuankan kearifan tradisi*. In *Pengajian Liberal Dan Kelangsungannya Dalam Landskap Pendidikan Negara* (Issue June, pp. 199–218). Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Nur Aisyah Mohd Azemi, & Sarinah Yahya. (2019). Membangun peradaban Islam menurut al-Qur'an: Penelitian surah al-Kahfi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 178–186. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/319/224>
- Yeni Maulina. (2017). Nilai budaya dalam syair Rokan Hilir karangan Ahmad Darmawi. *Madah: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 6(1), 61–72.
- Zona Amalia. (2021). *Kajian nilai-nilai sosial dan budaya pada novel Sang Pemimpin* karya Andrea Hirata. Master's thesis. Institut Agama Islam Negeri Bengkulu.
- ابن عاشور. (1984). *تفسير التحرير والتنوير*. الدار التونسية.
- ابن كثير. (1999). *تفسير القرآن العظيم*. دار طيبة.
- رشيدة معروف. (2020). *القيم الثقافية في السينما الجزائرية تحليل سيميولوجي "طبيعة الحال"*. جامعة محمد بوضياف المسيلة.
- صلاح عبد الفتاح الخالدي. (2015). *مع قصص السابقين في القرآن*. دار القلم.
- نجلاء إبراهيم زيد هلال & عبير إبراهيم عبد الحميد إبراهيم. (2020). القيم الثقافية في أزياء النخبة من السيدات أثناء الاحتفال باليوم الوطني السعودي) دراسة تحليله فلسفية لأزياء صاحبة السمو الملكي الأميرة ريم بنت بندر آل سعود, *Journal of Arts, Literature, Humanities and Social Sciences*, 62, 360–379.
- وهبة الزحيلي. (2016). *رسالة الكهف In التفسير المنير في العقيدة والشريعة والمنهج*. الطبعة الثالثة. (pp. 212–327). دار الفكر.